



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

e-Modul Kepimpinan Ikon (Emki) Peringkat Diploma Sesi Oktober 2021 – Mac 2022, UiTM Kampus Mukah

Disediakan oleh
Yahutazi bin Hj. Chik

Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan e-Modul Kepimpinan Ikon (eMKI) di bawah Program Kepimpinan Pewaris Bangsa (PKPB) pada 17 hingga 22 Mac 2022 yang lepas. E-Modul Kepimpinan Ikon (eMKI) adalah program khusus kepada pelajar pra-siswazah terutamanya yang terlibat aktif dalam aspek kepimpinan terutamanya dalam kalangan Majlis Tertinggi, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), kelab, persatuan dan badan beruniform yang berpotensi untuk diangkat sebagai ikon dan mampu memberi impak yang baik kepada pelajar yang lain. Selain itu, program ini juga turut diadakan khusus untuk mahasiswa yang mempunyai ketrampilan sebagai seorang pemimpin dan jati diri yang tinggi. Umumnya, program ini dilaksanakan secara bersemuka pada setiap semester. Namun, semenjak penularan wabak Covid-19 melanda seluruh dunia, modul yang berkhidmat sebagai Project Executive di *Malaysian Palm Oil Green Conservation* dan turut pernah menyertai Felo Perdana di Kementerian Perlindungan dan Komoditi. Dalam sesi Bicara Ikon tersebut yang telah dimudahcara oleh Encik Yahutazi Bin Hj. Chik, Encik Muhammad Syafiq telah berkongsi pengalaman beliau bersama para peserta disamping menjawab beberapa soalan berkaitan pengurusan acara daripada para peserta. Program yang turut dipancarkan secara langsung di Facebook rasmi UiTM Kampus Mukah turut disertai oleh 35 orang peserta-peserta e-Modul Kepimpinan Ikon dari UiTM Kampus Samarahan yang turut dihadiri oleh Puan Dzufi Iszura Ispawi, penyelaras e-MKI UiTM Kampus Samarahan bersama empat fasilitator yang lain yang terdiri daripada Puan Mazlina Mansor Hassan, Puan Nur Farahiah Ibrahim, Puan Suhaida Halamy dan Puan Khyrol Etty Abdul Hamid.

Seramai 44 orang pelajar UiTM Kampus Mukah yang terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Ladang, Diploma Pengeluaran Herba, Diploma Akuakultur, Diploma Pengajian Perbankan dan Diploma Pengajian Perniagaan telah mendaftarkan diri untuk menghadiri modul tersebut. Turut hadir ialah empat orang fasilitator yang diketuai oleh Encik Yahutazi bin Hj. Chik selaku penyelaras modul dan turut dibantu beberapa orang fasilitator yang lain yang terdiri daripada Tuan Hj. Ahmad Faisal Mahdi, Puan Siti Farah Lajim dan Puan Juriah Japar.

Program e-MKI kali ini turut menampilkan Encik Muhammad Syafiq bin Mat Nazari yang merupakan mantan Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Sarawak Sesi 2018/2019 yang juga merupakan alumni Diploma Pengurusan Ladang, UiTM Kampus Mukah dalam Slot Bicara Ikon pada 19 Mac 2022. Beliau kini berkhidmat sebagai Project Executive di *Malaysian Palm Oil Green Conservation* dan turut pernah menyertai Felo Perdana di Kementerian Perlindungan dan Komoditi. Dalam sesi Bicara Ikon tersebut yang telah dimudahcara oleh Encik Yahutazi Bin Hj. Chik, Encik Muhammad Syafiq telah berkongsi pengalaman beliau bersama para peserta disamping menjawab beberapa soalan berkaitan pengurusan acara daripada para peserta. Program yang turut dipancarkan secara langsung di Facebook rasmi UiTM Kampus Mukah turut disertai oleh 35 orang peserta-peserta e-Modul Kepimpinan Ikon dari UiTM Kampus Samarahan yang turut dihadiri oleh Puan Dzufi Iszura Ispawi, penyelaras e-MKI UiTM Kampus Samarahan bersama empat fasilitator yang lain yang terdiri daripada Puan Mazlina Mansor Hassan, Puan Nur Farahiah Ibrahim, Puan Suhaida Halamy dan Puan Khyrol Etty Abdul Hamid.

Antara pengisian modul adalah pendedahan kepada para pelajar tentang aspek-aspek pengurusan organisasi dan penganjuran program seperti penyediaan kertas kerja program berimpak tinggi, protokol dan etika dalam pengurusan acara, komunikasi berkesan, pengurusan masa dan krisis dalam pengurusan acara. Peserta telah dibahagikan kepada empat kumpulan di bawah seliaan fasilitator untuk menghasilkan kertas kerja program berimpak tinggi yang melibatkan program bermakan kesukarelawan sosial, sukan dan rekreasi, penganjuran majlis rasmi dan webinar. Setelah peserta berjaya menghasilkan kertas kerja, sesi pembentangan telah diadakan pada 22 Mac 2022 dihadapan semua fasilitator selaku panel penilai pembentangan kertas kerja tersebut. Komen-komen yang membina telah disampaikan kepada semua para peserta bagi tujuan penambahbaikan kertas kerja yang telah disediakan. Program berakhir dengan pengumuman keputusan kumpulan terbaik, peserta terbaik dan peserta paling "sporting". Anugerah kumpulan terbaik telah disandang oleh Kumpulan 2 yang dikenali dengan nama Last Minute Group (LMG) dimana Puan Juriah Japar adalah selaku fasilitator. Manakala peserta terbaik keseluruhan dianugerahkan kepada Saudara Syed Muhammad Fariduddin Bin Wan Hairulhaizal, pelajar daripada program Diploma Akuakultur. Disamping itu, peserta paling "sporting" telah dianugerahkan kepada Saudara Aniq Hamizan Bin Mislani di atas komitmen beliau melengkapkan ke tiga-tiga modul Program Kepimpinan Pewaris Bangsa (PKPB) pada semester Oktober 2021 – Mac 2022.

